

Keselamatan Selat Melaka terjamin

BH- 5/6/2007

Oleh Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat (AS) yakin tahap keselamatan Selat Melaka sentiasa terjamin berikutan kerjasama erat ditunjukkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Indonesia dan Singapura mengawal perairan daripada pelbagai ancaman dan serangan lanun.

Pengerusi Panglima Angkatan Bersama AS, Jeneral Peter Pace yakin kerjasama ketenteraan itu banyak menyumbang kepada penurunan kejadian serangan lanun terhadap keselamatan kapal yang melalui perairan berkenaan, sejak beberapa tahun lalu.

"Saya memuji tindakan kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura mengawal Selat Melaka dan yakin kerjasama itu pastinya dapat dipertingkatkan lagi di masa akan datang seterusnya menjamin keselamatan setiap kapal yang melalui perairan berkenaan.

"Setiap negara berdaulat perlu mengawal tanah air mereka tetapi sebagai negara berjiran perlu ada kerjasama dan hubungan bersepadu bagi mengawal kawasan yang mempunyai kepentingan bersama seperti Selat Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal, di sini petang semalam. Ha-

dir sama Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Datuk Shahron Ibrahim.

Pasukan keselamatan Malaysia, Singapura dan Indonesia mengadakan kerjasama dalam melakukan rondaan bersama di kalangan tentera laut dari negara terbabit serta peman-tauan udara bagi menjamin keselamatan Selat Melaka sebagai nadi perdagangan dan perniagaan di antara timur dan barat.

Terdahulu, Pace yang tiba di Malaysia, kelmarin turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, di pejabat masing-masing pada sebelah pagi.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, kehadiran Pace dalam kunjungan pertamanya ke negara ini dapat mengeneipkan persepsi negatif pelbagai pihak lain yang bimbang kehadiran tentera AS di rantau Asia Tenggara boleh menjejaskan keamanan di rantau ini.

Sementara itu di PUTRAJAYA, Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia mencurahkan pengalamannya untuk dikaji Afghanistan dalam usaha negara itu mewujudkan suasana yang dapat merangsang sektor swasta memberi sumbangan berkesan ke arah mewujudkan pembangunan bentuk baru di negara berkenaan pada masa depan.

Ketika membuat tawaran itu, Abdullah, berkata Afghanistan boleh

mengambil iktibar pengalaman Malaysia dan memilih apa yang paling baik untuk negara itu.

"Seperti Malaysia, Afghanistan mampu mengubah kedudukannya daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada pusat pembuatan berintensifkan buruh dan akhirnya bergerak ke arah sektor pembuatan yang menggunakan teknologi tinggi, kemahiran dan berintensifkan modal," kata Perdana Menteri dalam ucapan utama beliau melalui persidangan video secara langsung dari tempat berlangsungnya persidangan mengenai Perwujudan Persekitaran - Sumbangan Berkesan Sektor Swasta Dalam Pembangunan Afghanistan - di Kabul semalam.

“Sebagai negara berjiran perlu ada kerjasama dan hubungan bersepadu bagi mengawal kawasan yang mempunyai kepentingan bersama seperti Selat Melaka”

Peter Pace

Pengerusi Panglima Angkatan Bersama AS

Beliau berkata, memandangkan pertanian kini sektor yang mewujudkan paling banyak peluang pekerjaan, maka paling wajar bagi Afghanistan memulakan usahanya dengan mengkaji cara terbaik yang boleh mencergaskan semula sektor pertaniannya memandangkan sebahagian besar kawasan pertanian di negara itu mengalami kemusnahan akibat peperangan.

Lagi pun, kata Abdullah, sebelum Afghanistan diduduki kuasa asing pada akhir 1979, negara itu sentiasa mencapai tahap sara diri dalam bidang pertanian.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia meluaskan bidang kerjasama antara kedua-dua negara dengan menyediakan tempat latihan bagi pelajar Afghanistan menimba ilmu di negara ini melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

"Kami boleh beri tumpuan terhadap modul latihan yang mempunyai kaitan dengan usaha untuk memodenkan sektor pertanian di Afghanistan," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia mempunyai banyak pengalaman dalam usaha memajukan perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan sedia berkongsi pengetahuan ini dengan Afghanistan.

Persidangan itu turut dihadiri Presiden Afghanistan Hamid Karzai dan Aga Khan, presiden dan pengasas Rangkaian Pembangunan Aga Khan.